

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN,
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)
PADA MAJLIS
ANUGERAH KECEMERLANGAN MIKROELEKTRONIK 2010
DI DEWAN KAPITOL, KANGAR
PADA 9 OGOS 2010

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi), UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UniMAP

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Johari Adnan, Dekan PPK Mikroelektronik,

Timbalan-timbalan Dekan PPK Mikroelektronik, Pengerusi-Pengerusi Rancangan, Pensyarah dan PLV serta kakitangan PPK Mikroelektronik.

Seterusnya, warga mahasiswa PPK Elektronik yang diraikan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam 1 UniMAP.

Burung tekukur beraneka warna,

Menjamu selera si anak ikan,

Lafaz Bismillah pembuka bicara,

Salam sejahtera saya ucapkan.

- Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya maka dapatlah kita sama-sama berkumpul di dalam **Majlis Anugerah Kecemerlangan Mikroelektronik 2010** pada malam yang indah ini. Izinkan saya pada awal bicara ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan rasa besar hati kepada pihak pengajur kerana sudi menjemput saya

menyampaikan sepatah dua kata seterusnya merasmikan majlis pada malam ini.

- Sebagai Naib Canselor UniMAP, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada tetamu-tetamu kita kerana sudi meluangkan masa untuk hadir dan sama-sama meraikan warga-warga yang diiktiraf sebagai terbaik dan mencatatkan kecemerlangan sepanjang tahun 2010 ini. Kehadiran tuan-tuan, puan-puan serta siswa siswi sekalian bukan sahaja menyerikan lagi majlis pada malam ini tetapi bolehlah diibaratkan umpama bara yang tak kunjung padam yang mampu menjadi pembakar semangat kepada siswa siswi untuk terus menggarap kecemerlangan pada masa akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Malam ini malam kecemerlangan. Kecemerlangan adalah satu ungkapan yang melambangkan puncak dan mercu yang menjadi idaman setiap manusia yang mempunyai jiwa yang bersemangat. Siswa siswi sekalian, sebagai manusia yang tinggi semangat juangnya adalah tidak terkecuali untuk anda mengejar kecemerlangan. Sebagai sebuah institusi pendidikan yang mengkhususkan kepada bidang kejuruteraan dalam mentransformasi masyarakat dan berusaha melahirkan

jurutera bagi masyarakat majmuk, pastinya siswa sisiwi sekalian sentiasa mengigaukan kecemerlangan.

- Imam Al-Ghazali ada membuat suatu penganalisaan yang amat bijak tentang kehebatan manusia. Dan analisa itu menyatakan:
- ***Jika manusia itu merasa hebat yakni besar, tetapi sebenarnya besar lagi seekor gajah.***
- ***Jika manusia itu merasa kuat makan, sebenarnya besar lagi perut lembu.***
- ***Jika manusia itu merasa bangga dengan keberaniannya sebenarnya berani lagi binatang buas (seperti singa atau harimau).***
- ***Jika manusia itu merasa bangga dengan sifat tahan lasaknya, sebenarnya tahan lasak lagi seekor unta.***
- ***Dan....Jika manusia itu merasa bangga dengan kecantikannya, sebenarnya cantik lagi seekor buruk merak.....***
- ***Tetapi hebatnya manusia adalah kerana ilmunya***
- Sesungguhnya, apa yang digambarkan oleh Imam al-Ghazali itu jelas menunjukkan kepada kita bahawa kegagahan atau kehebatan manusia adalah kerana **ilmu pengetahuannya** dan bukan semata-mata saiz tubuh badan, keberanian atau

kecantikan paras rupa manusia itu. Justeru, soal menuntut ilmu pengetahuan mesti menjadi agenda utama dalam kehidupan kita sehari-hari tidak kira di rumah, institusi atau pengurusan negara. Ini kerana dengan ilmulah baru kita mampu untuk melahirkan modal insan unggul yang dapat memikul beban dan cabaran untuk mengemudi pemerintahan negara di masa akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Seperti yang kita sedia maklum, majlis ini merupakan malam kemuncak pengiktirafan pencapaian dan sumbangan kepada siswa-siswi UniMAP Jurusan Kejuruteraan Mikrolektronik diatas kecemerlangan yang telah dicapai. Usaha ini bukan sahaja mampu meningkatkan minat pelajar malah menambahkan **softskills** dikalangan pelajar melalui penglibatan di dalam program-program pembangunan sahsiah dan seterusnya menghargai sumbangan dan ketokohan mereka.
- Antara objektif majlis ini ialah untuk menghargai sumbangan dan pencapaian para pelajar dalam program-program kemahasiswaan. Selain itu ia juga bertujuan untuk menarik minat lebih ramai pelajar untuk terlibat sama dalam aktiviti-

aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan pembangunan sahsiah.

- Malah, majlis seumpama ini saya kira merupakan satu budaya yang patut diteruskan bagi meningkatkan motivasi dalam diri pelajar serta meningkatkan semangat berpersatuan di kalangan mereka. Di samping itu, ia juga memperlihatkan bahawa pihak pengurusan universiti menerusi Bahagian HEP sentiasa memberi sokongan dan menghargai sumbangan para pelajar yang aktif dan berbakat dalam mengendalikan pelbagai program di peringkat universiti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Saya dimaklumkan, pada malam ini terdapat dua anugerah yang akan diberikan kepada siswa siswi yang cemerlang dalam pembelajaran mereka, iaitu **Anugerah Bestari** dan juga **Anugerah Dekan**. Anugerah ini merupakan antara usaha pusat pengajian untuk menggalakkan warga PPK Mikroelektronik supaya peka kepada pentingnya KUALITI dalam semua aspek pembelajaran. Justeru, kepada semua penerima anugerah pada malam ini, sekalung tahniah dan penghargaan saya ucapkan dan semoga anda mampu meneruskan kecemerlangan ini di masa akan datang.

- Anggaplah dengan pengiktirafan ini, segala usaha dan cabaran yang siswa siswi hadapi sepanjang tahun ini akhirnya terbayar namun, satu pesan saya, usahlah anda leka dibuai kejayaan yang diraih pada malam ini kerana perjalanan anda masih jauh. Masih banyak liku dan cabaran yang menanti anda di masa hadapan, oleh itu sentiasalah berusaha untuk memperbaiki diri ke tahap yang lebih baik.
- Akhir kata, terimalah kata-kata ini untuk renungan kita bersama :

ILMU penyuluhan hidup, AMAL bekalan perjalanan, AKHLAK hiasan jiwa dan peribadi untuk menuju AKHIRAT yang sudah pasti.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Malam Anugerah Kecemerlangan PPK Mikroelektronik bagi tahun 2010.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.